

05 DEC 1998
Soros-Reaksi/I
SAMY VELLU HENTAM SOROS

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Menteri Kerja Raya dan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini membidas pedagang matawang antarabangsa George Soros atas kenyatannya yang mendesak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disingkirkan sambil menyifatkan Soros cuba memusnahkan Malaysia secara politik.

"Kenyataan Soros jelas menunjukkan rancangan jangka panjang beliau dan sekutunya untuk memusnahkan kerajaan yang dipilih secara demokrasi di negara ini", katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Samy Vellu berkata Soros telah memusnahkan ekonomi di kebanyakan negara membangun dan sekarang cuba menukar perhatiannya untuk menjatuhkan kerajaan-kerajaan.

Semalam Soros dipetik mendesak Dr Mahathir disingkirkan. Soros yang didakwa bertanggungjawab menghancurkan ekonomi negara turut meminta bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini menghadapi perbicaraan atas tuduhan rasuah, dibebaskan.

Menurut Samy, "Berdasarkan motif mementingkan dirinya itu, dia memilih untuk menghancurkan ekonomi negara membangun.

"Malaysia menjadi satu daripada mangsanya yang kini cuba memulihkan kesan luka ekonomi yang dilakukannya ke atas kita", katanya.

Beliau berkata jika Soros yang diberi tanggungjawab menentukan siapa yang harus menjadi pemimpin sesebuah negara, saya rasa dunia akan kiamat.

"Soros sudah melencong daripada prinsip tidak mencampuri hak rakyat sesebuah negara. Masanya akan tiba apabila masyarakat dunia menghukumnya kerana menjadi engkhanat ekonomi", katanya.

Di KUCHING, Menteri Pembangunan Industri Sarawak Datuk Abang Johari Tun Openg menanggapi kenyataan Soros sebagai biadab dan sama seperti masuk campur dalam hal ehwal dalaman Malaysia.

"Soros tidak mempunyai hak terhadap hal ehwal negara ini dan cadangan beliau yang dasar-dasar Dr Mahathir bertujuan terus mengekalkan beliau dalam jawatannya, tidak wajar," katanya.

Abang Johari berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan sijil kepada 46 graduan Institut Teknologi Mara (ITM) cawangan Sarawak.

Soros yang merupakan pengurus agensi Pengurusan Dana Soros dan penasihat Dana Quantum, membuat kenyataan itu di Washington pada Khamis semasa mempromosi buku barunya "The Crisis Of Global Capitalism" (Krisis Kapitalisme Dunia).

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Sabbaruddin Chik berkata, rakyat Malaysia tidak akan terpengaruh dengan kenyataan terbaru Soros dan Malaysia boleh diuruskan dengan baik oleh rakyatnya tanpa gangguan dari luar.

"Saya yakin yang tiada rakyat Malaysia akan terpengaruh dengan kenyataan Soros...masalah ekonomi yang kita hadapi sekarang disebabkan oleh Soros," kata beliau kepada pemberita di majlis pelancaran "Motorsports '98 Kuala Lumpur" di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa, Subang (ITECS).

Acara sembilan hari itu di bekas Terminal 1 Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang mewakili Dr Mahathir.

Sabbaruddin yang juga Menteri Kesenian Kebudayaan dan Pelancongan berkata, nampaknya ada usaha-usaha oleh pihak luar untuk menggugat kepimpinan Malaysia dengan campurtangan dalam hal ehwal dalaman negara.

Sekarang ini orang sudah pun tahu siapa Soros sebenarnya, katanya lagi. Soros dan spekulator-spekulator lain dikatakan bertanggungjawab membuat serangan spekulatif terhadap ringgit yang membawa kesan buruk kepada ekonomi Malaysia.

Di IPOH, Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata tindakan terbaik bagi rakyat Malaysia ialah jangan mengendahkan kenyataan Soros kerana seperti juga Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore, Soros juga jahil akan apa yang berlaku di negara ini.

Oleh itu, adalah tidak berguna untuk mendengar kata-kata mereka dan yang terbaik ialah jangan pedulikan mereka," katanya.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri Dr Koh Tsu Koon mengecam kenyataan Soros, yang dianggap cuba campur tangan dalam urusan pentadbiran dan politik negara ini, dan beliau mahu Soros disingkirkan daripada sistem pasaran kewangan dan modal dunia.

Katanya, Soros dan rakan-rakannya merupakan "penindas besar" yang harus diketepikan kerana mereka sebenarnya adalah "pembunuh negara, ekonomi dan kebajikan rakyat" di negara-negara kecil, seperti Malaysia.

Koh berkata, biarlah rakyat menentukan apa yang mereka mahu di negara ini, dan tidak bijak bagi Soros untuk campur tangan dan meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad digantikan.

Dr Mahathir dipilih rakyat melalui sistem demokrasi, manakala Soros tidak dipilih oleh sesiapa dan dia tidak bertanggungjawab kepada sesiapa melainkan rasa tamak diri sendiri, kata Koh.

Di KLANG, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata spekulator mata wang George Soros tidak berhak meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan kerana beliau dipilih secara demokratik melalui pilihan raya.

Beliau berkata kenyataan Soros adalah biadap dan tidak menghormati keputusan rakyat, yang memilih Dr Mahathir untuk memimpin negara ini.

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata kenyataan Soros itu tidak dapat diterima dan ia sebaliknya mengukuhkan semangat rakyat untuk menolak campur tangan asing di negara ini.

Beliau berkata Malaysia telah mengambil pelbagai langkah untuk membawa negara ini keluar daripada masalah kegawatan ekonomi, dan inilah yang tidak disenangi oleh para spekulator.

Menurutnya para spekulator sebenarnya tidak mahu melihat Malaysia muncul sebagai negara contoh yang berjaya keluar daripada kegawatan ekonomi.

Di KOTA BAHARU, Mursyid Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta Soros menutup mulut dan jangan campur tangan dalam urusan pemerintahan Malaysia sebuah negara berdaulat.

"Sudah lama kita minta Soros menutup mulutnya dan dia tidak perlu bercakap mengenai Malaysia di masa akan datang," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, Malaysia tidak perlu pemimpin luar negara campur tangan dalam sebarang urusan kerana pemimpin negara ini mampu menguruskannya dengan cara yang terbaik.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan rakyat supaya tidak terpengaruh dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Soros kali ini dan juga di masa depan kerana perbuatan itu boleh menghancurkan Malaysia.

Sementara itu Biro Publisiti Gerakan dalam satu kenyataan berkata, parti itu menolak dan menentang sekeras-kerasnya kenyataan Soros terhadap Dr Mahathir.

Parti komponen BN itu mendesak rakyat agar bersatu-padu dan berdiri teguh di belakang Dr Mahathir selain tidak membiarkan Soros memanipulasi mereka untuk menentang Perdana Menteri yang telah berjaya menghentikan kegiatan spekulasi mata wang di negara ini melalui peraturan kawalan mata

wang.

"Gerakan percaya rakyat Malaysia tidak bodoh malah mampu mentafsir niat sebenar Soros", katanya.

Sementara itu, anggota jawatankuasa pusat Gerakan Dr S. Vijayarajam dalam kenyataan berasingan berkata, "Orang asing patut mengelak diri daripada membuat kenyataan berkaitan hal ehwal negara ini, lebih-lebih lagi yang tidak langsung berkaitan dalam sebarang hal ... Bantahan Soros itu ibarat anjing menyalak melihat bulan".

Dewan Perniagaan Melayu pusat yang turut membidas kenyataan Soros itu berkata, kenyataan Soros mempunyai unsur-unsur subversif dan condong kepada keganasan kerana mendesak penyingkiran pemimpin yang dilantik oleh rakyat.

Dewan itu dalam kenyataannya juga menggesa rakyat supaya bersatu-padu di bawah Jalur Gemilang untuk mempertahankan kedaulatan negara.

-- BERNAMA

Team PR